

PM kesal laman web diceroboh

BH 2 JAN 2001

Oleh Salina Abdullah dan Teh Kean Kiat

KUALA LUMPUR, Isnin – Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kesal dengan perbuatan pihak tertentu menceroboh laman web Parlimen dan Universiti Teknologi Malaysia (UTM).

Perdana Menteri berkata, kejadian itu tidak sepatutnya berlaku kerana kerajaan memberi mereka peluang untuk belajar supaya dapat berkhidmat untuk negara, bukannya mengkhianati negara.

“Mereka menggunakan kemahiran dan kepandaian masing-masing dalam arah tuju yang salah. Kita memberi mereka peluang untuk belajar tetapi mereka menggunakan pengetahuan itu untuk tujuan lain,” katanya mengulas pencerobohan laman web rasmi milik Parlimen dan UTM.

Dalam kejadian kelmarin, penceroboh yang hanya dikenali sebagai ‘topeira’, memusnahkan laman web Parlimen, www.parlimen.gov.my.

Penceroboh itu memindahkan muka depan laman web terbabit dan meninggalkan dua baris ayat. Pencerobohan itu adalah yang pertama membabitkan laman web kerajaan di negara ini.

Pada sidang akhbar di

“Mereka menggunakan kemahiran dan kepandaian masing-masing dalam arah tuju yang salah. Kita memberi mereka peluang untuk belajar tetapi mereka menggunakan pengetahuan itu untuk tujuan lain”

– Dr Mahathir Mohamad

majlis rumah terbuka Parti Progresif Penduduk Malaysia (PPP) sempena Tahun Baru 2001 di sini hari ini, Dr Mahathir berkata kerajaan cuba menjamin keselamatan laman webnya, tetapi masih menghadapi kebuntuan.

Katanya, ini kerana Internet sehingga kini belum mempunyai satu sistem atau cara untuk mengawal penceroboh daripada memusnahkan laman web pihak lain.

“Kami cuba untuk menjamin keselamatan laman web tetapi masih ada keraguan mengenai keselamatan Internet kerana mereka yang berkemahiran tinggi dalam bidang ini berupaya mengesan sistem serta cara yang kita gunakan,” katanya.

Perdana Menteri berkata, penceroboh laman web mungkin melakukan perbuatan itu sebagai cubaan menapis pendapat sebelah lagi pihak.

“Dari satu segi mereka (penceroboh ini) cuba menapis berita orang lain,” katanya.

Beliau berkata, penceroboh atau sekumpulan penceroboh itu, yang telah menggelar diri mereka ‘Topeira’, menggunakan pengetahuan mereka untuk menentang ‘prinsip yang mereka sendiri sepatutnya perjuangkan’.

“Dia marah kalau kerajaan menapis surat khabar, tapi apabila dia menyekat berita yang bukan daripadanya, itu tak apa.

“Mereka menuduh kerajaan mengawal media massa

tetapi merekalah yang sebenarnya mengawal media, tak nak bagi orang lain dengar berita daripada punca-punca lain,” katanya.

Sementara itu, Yang Dipertua Dewan Rakyat, Tun Mohamed Zahir Ismail menolak kemungkinan laman web Parlimen dirosakkan pihak tertentu bagi

tujuan politik.

Sebaliknya, beliau percaya perbuatan itu dilakukan ‘budak-budak nakal’ yang mempunyai kemahiran tinggi dalam bidang komputer.

Beliau berkata, perbuatan merosakkan laman web Parlimen itu tidak mendedangkan apa-apa faedah

kepada mana-mana pihak kerana ia tidak memuatkan sebarang rancangan negara.

“Laman web ini hanya mengandungi maklumat umum mengenai Parlimen, termasuk struktur, perjalan dan tugas Parlimen,” katanya ketika dihubungi, di sini hari ini.

Mohamed Zahir yang hanya mengetahui perkara itu melalui akhbar, berkata pihaknya akan memulakan penyiasatan, esok.

Katanya, siasatan akan dikendalikan Unit Teknologi Maklumat Parlimen yang bertanggungjawab menyediakan laman web itu beberapa tahun lalu.